

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

MASA : 9:30 - 11:30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 5, BLOK E4/5, KUSKOP
PUTRAJAYA**

**PENGERUSI : YBHG. DATUK HAJI ZAMRI BIN SALLEH
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN DAN KEUSAHAWANAN)**

KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.0	PERUTUSAN PENERUSI	
1.1	YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli Mesyuarat ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 2/2024.	MAKLUMAN
1.2	YBhg. Datuk Pengerusi turut menyampaikan ucapan salam daripada YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha yang tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat MBJ pada kali ini memandangkan terdapat urusan rasmi lain.	MAKLUMAN

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.3	<p>YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Siti Rossarina binti Abdul Jamil, perwakilan pihak pekerja yang mewakili skim perkhidmatan Setiausaha Pejabat yang telah bertukar ke Kementerian Dalam Negeri mulai 1 Julai 2024 di atas sumbangan dalam MBJ KUSKOP</p>	<p>MAKLUMAN</p>
1.4	<p>YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="260 831 1203 1211">i) MBJ merupakan saluran komunikasi dua hala di antara Pihak Pegawai (pihak pengurusan) dengan Perwakilan Pihak Pekerja di peringkat Kementerian/ Jabatan masing-masing. MBJ bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Perwakilan Pihak Pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernas untuk kepentingan dan kebaikan organisasi; dan <li data-bbox="260 1263 1203 1688">ii) Bidang kuasa dan fungsi MBJ meliputi semua perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan organisasi seperti sistem kerja, pentadbiran, kebajikan, kewangan dan perkhidmatan, kecuali perkara-perkara yang menyentuh dasar kerajaan atau hal-hal perseorangan. Selain menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan, ahli-ahli MBJ turut berperanan menyumbang idea-idea inovasi dan produktiviti berkaitan tadbir urus Kementerian/ Jabatan bagi memastikan peningkatan prestasi secara berterusan. <p>MAKLUM BALAS PERKARA BERBANGKIT DAN PEMBENTANGAN USUL BAHARU</p>	<p>MAKLUMAN</p>

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>iii) Mesyuarat pada hari ini akan mendapatkan maklum balas tujuh perkara berbangkit dalam mesyuarat MBJ Bil. 1/2024 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pemandu Jabatan yang memilih tugas; (ii) Kemudahan bayaran letak kenderaan; (iii) Cadangan penambahan alasan lain-lain maklumat pada paparan makluman ketidakhadiran dalam Sistem iHadir; (iv) Kenderaan Jabatan; (v) Pengiktirafan dan penghargaan kepada warga Kementerian yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun dalam Perkhidmatan Awam; (vi) Pengurusan tempat letak kenderaan; dan (vii) Cadangan mempercepatkan pembayaran tuntutan Elaun Perjalanan Dalam dan Luar Negeri dan Elaun Lebih Masa. <p>Manakala isu-isu baharu yang dikemukakan oleh Perwakilan Pihak Pekerja untuk dibincangkan bersama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Majlis dan program rasmi /kursus anjuran Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain; (ii) Keurusetiaan program rasmi Kementerian; (iii) Perlaksanaan operasi kunci tayar kenderaan (<i>clamping</i>); (iv) Pemakluman penjelasan mengenai pemotongan terhadap tuntutan elaun perjalanan atau elaun lebih masa; (v) Penganjuran program/ kursus di Luar Pejabat; (vi) Bayaran saguhati kepada pengacara majlis, pembaca doa dan pembaca ikrar bagi majlis/ program rasmi anjuran Kementerian; dan (vii) Pemakaian batik seragam Kementerian. 	
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 3/2023	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
2.1	Minit Mesyuarat MBJ Bil. 1/2024 yang diadakan pada 19 April 2024 disahkan tanpa pindaan.	MAKLUMAN
3.0	MAKLUM BALAS DARIPADA MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 1/2024	
3.1	<p>PEMANDU JABATAN YANG MEMILIH TUGAS</p> <p>Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Merujuk kepada maklumat pengisian semasa, terdapat tiga kekosongan jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11 termasuk PKK. BPSM dan BKP sedang melaksanakan pengambilan Pemandu secara kontrak bagi mengatasi masalah penolakan calon-calon yang telah dilantik oleh SPA dan bagi keperluan mendesak. Jangkaan pelantikan adalah pada bulan September 2024.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Pengisian jawatan Pemandu Kenderaan dijangka selesai pada September 2024.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
3.2	<p>KEMUDAHAN BAYARAN LETAK KENDERAAN</p> <p>Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKew) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Berdasarkan maklum balas Unit Audit Dalam (UAD) pegawai tidak layak membuat tuntutan bayaran menyewa petak letak kereta di</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>persekitaran pejabat sepertimana yang termaktub dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2011.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2011, pegawai awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta di persekitaran pejabat layak menuntut kemudahan bayaran balik letak kereta. Takrifan maksud "menjalankan tugas rasmi" adalah tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat yang memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iii) BKew mengemukakan permohonan kelulusan khas kepada Kementerian Kewangan berhubung kelonggaran kemudahan bayaran balik letak kereta berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90.00 untuk warga Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iii terus DISUSULI.</p>	<p>BKEW</p>
3.3	<p>CADANGAN PENAMBAHAN ALASAN LAIN-LAIN MAKLUMAT PADA PAPARAN MAKLUMAN KETIDAKHADIRAN DALAM SISTEM IHADIR</p> <p>Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) memaklumkan perkara seperti berikut:</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>i) BPTM telah menambah pilihan "Lain-lain Urusan Rasmi" di dalam senarai tersebut bagi menangani masalah berkaitan seperti butiran berikut:</p> <div data-bbox="319 593 1109 1057" style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p>-Sila Pilih-</p> <p>-Sila Pilih-</p> <p>Cuti Rehat</p> <p>Cuti Kecemasan</p> <p>Cuti Bersalin</p> <p>Cuti Tanpa Rekod</p> <p>Cuti Gantian</p> <p>Cuti Separuh Gaji</p> <p>Cuti Haji</p> <p>Cuti Tanpa Gaji</p> <p>Cuti Sakit (Swasta)</p> <p>Cuti Sakit (Awam)</p> <p>Kuarantin +VE Covid19</p> <p>Cuti Karantina</p> <p>Cuti Menunggu Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pongasingan</p> <p>Lain-lain Urusan Rasmi</p> <p>Lain-lain Cuti</p> </div> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Mengambil maklum mengenai penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak BPTM.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
3.4	<p>KENDERAAN JABATAN</p> <p>BPSM memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Pengisian jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11 secara kontrak sedang dijalankan oleh BKP dan BPSM. Temuduga telah diadakan pada 15 Julai 2024.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>ii) Pengisian jawatan Pemandu Kenderaan dijangka selesai pada September 2024.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
3.5	<p>PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN KEPADA WARGA KEMENTERIAN YANG TELAH BERKHIDMAT MELEBIHI 25 TAHUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM</p> <p>BPSM memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Seramai 55 orang warga Kementerian termasuk ahli pengurusan tertinggi yang telah berkhidmat melebihi 25 tahun dalam perkhidmatan awam akan dijemput bagi menghadiri Majlis Apresiasi KUSKOP Tahun 2024 yang akan diadakan pada 9 Ogos 2024.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>iii) Majlis Apresiasi KUSKOP Tahun 2024 akan diadakan pada 9 Ogos 2024 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Kajang, Selangor.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
3.6	<p>PENGURUSAN TEMPAT LETAK KENDERAAN</p> <p>Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Kelayakan tuntutan bayaran balik parkir telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011: Peraturan Bayaran Balik Letak Kenderaan yang mana telah</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>menggariskan bahawa kelayakan bayaran balik letak kenderaan ini adalah diperuntukan bagi membantu pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta di persekitaran pejabat.</p> <p>ii) Dalam hal ini, menjalankan tugas rasmi merujuk kepada tugas berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan yang memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat. Oleh yang demikian, hanya pegawai yang telah diarahkan menjalankan kerja rasmi dan memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat boleh memohon kepada Ketua Jabatan dan tertakluk kepada kelulusan serta peruntukan kewangan semasa Kementerian.</p> <p>Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP (KESUKMA) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>iii) KESUKMA menyambut baik cadangan yang diberikan tersebut. Untuk makluman, berdasarkan kedudukan semasa kewangan, KESUKMA tidak mampu untuk menampung perbelanjaan yang besar seperti cadangan ini. Walau bagaimanapun KESUKMA akan terus memperhalusi cadangan tersebut dengan mengambil kira kedudukan kewangan KESUKMA dari semasa ke semasa.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>iv) Mengambil maklum sebagaimana ketetapan mesyuarat di para 3.2.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.7	<p>CADANGAN MEMPERCEPATKAN PEMBAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM DAN LUAR NEGERI DAN ELAUN LEBIH MASA</p> <p>BKew memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Sesi penerangan berhubung tuntutan elaun perjalanan dan elaun lebih masa secara dalam talian akan diadakan pada 25 Julai 2024 bagi memberi kefahaman berterusan kepada pemegang taruh. Di samping itu juga BKew telah membuka kaunter Hari Bersama Pelanggan pada 26 - 27 Februari 2024 dan hanya sebanyak empat aduan sahaja yang diterima.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Sesi penerangan berhubung elaun perjalanan dan elaun lebih masa secara dalam talian yang dijadual pada 25 Julai 2024 ditangguh kepada 30 Julai 2024.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iii) Penjelasan kuir ke atas tuntutan elaun perjalanan, elaun lebih masa dan bayaran balik dan pemotongan jumlah tuntutan yang dikemukakan perlu dimaklumkan secara rasmi kepada pegawai yang menuntut.</p> <p>iv) BKew menyediakan pertanyaan soalan-soalan lazim/ <i>frequently asked questions</i> (FAQ) berhubung kesilapan-kesilapan yang kerap dilakukan oleh pegawai dalam tuntutan elaun yang dikemukakan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iii dan iv terus DISUSULI.</p>	<p>BKEW</p> <p>BKEW</p>

BIL	PERKARA	TINDAKAN
4.0	PEMBENTANGAN USUL/ISU-ISU BAHARU OLEH NAIB PENERUSI WAKIL PEKERJA	
4.1	<p>KEKERAPAN PEGAWAI KEMENTERIAN MENGHADIRI MAJLIS DAN PROGRAM RASMI /KURSUS ANJURAN KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI LAIN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Kekurangan pegawai dari Bahagian/ Unit yang sama dimohon untuk menghadiri majlis dan program rasmi/ kursus anjuran Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain dan perkara ini telah menyebabkan pegawai tidak dapat melaksanakan tugas hakiki.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Pihak Kementerian mengemukakan nama pegawai berdasarkan kuota yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur yang bertujuan meraikan undangan jempunan daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain.</p> <p>iii) BPSM memaklumkan pencalonan pegawai yang menghadiri kursus diterima daripada Ketua Jabatan masing-masing.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
4.2	<p>PENGGILIRAN KEURUSETIAAN PROGRAM RASMI KEMENTERIAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Sering kali pembahagian pengagihan tugas Jawatankuasa Kerja/ Jawatankuasa Kecil dalam melaksanakan program-program rasmi</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Kementerian akan melibatkan Bahagian/ Unit yang sama serta tiada pusingan kerja.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ii) Pelantikan Bahagian/ Unit yang sama sebagai dalam penganjuran program-program rasmi Kementerian adalah berdasarkan keperluan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki Bahagian/ Unit berkenaan bagi membantu menyelaraskan pelaksanaan program berkenaan. iii) Bahagian penganjur program perlu memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi pelaksanaan program meliputi peruntukan penginapan urus setia Jawatankuasa Kerja/ Jawatankuasa Kecil semasa permohonan peruntukan kewangan. <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
4.3	<p>OPERASI KUNCI TAYAR KENDERAAN (CLAMPING)</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Masih terdapat kenderaan bukan pegawai Kementerian atau kenderaan yang tidak mempamerkan pelekat kenderaan memakir kenderaan di pakir khas atau sekeliling kawasan Kementerian terutamanya di bahu jalan disebabkan tiada pelaksanaan operasi kunci tayar kenderaan (<i>clamping</i>) dilaksanakan. Penguatkuasaan <i>clamping</i> perlu dilaksanakan dan hasil daripada penguatkuasaan tersebut boleh dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan. <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>ii) BKP memaklumkan pelaksanaan sistem <i>clamping</i> tidak dapat dikuatkuasakan kerana perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak pemegang taruh seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Perbadanan Putrajaya (PJH)</p> <p>iii) Akan makluman bahawa pegawai Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Bahagian <i>Business Licensing Electronic Support System Division</i> (BLESS) tidak dibekalkan pelekat kenderaan Kementerian.</p> <p>iv) Terdapat pakir terbuka tanpa bayaran di Taman Putra Perdana yang boleh dimanfaatkan oleh warga Kementerian sebagai salah satu alternatif mengatasi masalah ketiadaan pakir kenderaan. Pihak BKP dicadang untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan <i>shuttle fotton</i> bagi memudahkan pergerakan pegawai dari Taman Putra Perdana – KUSKOP – Taman Putra Perdana.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>v) BKP mengemukakan permohonan kelulusan kepada pihak pemegang taruh bagi pelaksanaan sistem <i>clamping</i>.</p> <p>vi) Pihak Perwakilan Pekerja menjalankan kajian tinjauan (<i>survey</i>) kepada warga Kementerian mengenai cadangan keperluan menggunakan parking terbuka di Taman Putra Perdana</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara v dan iv terus DISUSULI.</p>	<p>BKP</p> <p>PERWAKILAN PERKERJA</p>


BIL	PERKARA	TINDAKAN
4.4	<p>PEMAKLUMAN PENJELASAN MENGENAI PEMOTONGAN TERHADAP TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN ATAU ELAUN LEBIH MASA</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Pihak BKew tidak memberi makluman rasmi/ penjelasan awal mengenai pemotongan jumlah tuntutan perjalanan atau elaun lebih masa yang dikemukakan oleh pegawai yang menuntut. Perkara ini telah menimbulkan kekeliruan kepada pegawai kerana tiada kuirri terhadap tuntutan berkenaan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>v) Makluman rasmi/ penjelasan awal ke atas tuntutan elaun perjalanan, elaun lebih masa dan bayaran balik dan pemotongan jumlah tuntutan yang dikemukakan perlu dimaklumkan secara rasmi kepada pegawai yang menuntut.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	BKEW
4.5	<p>PENGANJURAN PROGRAM/ KURSUS SATU HARI DI LUAR PEJABAT TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Terdapat Bahagian/ Unit tidak dapat melaksanakan program/ kursus di luar pejabat bagi program/ kursus satu hari terutamanya di hotel sekitar Putrajaya, walaupun peruntukan pelaksanaan program/ kursus berkenaan telah diluluskan dalam Perancangan Perolehan Tahunan (PPT). Perkara ini telah mengganggu proses kerja Bahagian/ Unit sedangkan tiada Pekeliling semasa yang</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	<p>menghalang pengajuran program/ kursus satu hari terutamanya di hotel.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) BKew memaklumkan tiada halangan untuk Bahagian/ Unit menganjurkan program/ kursus satu hari terutamanya di hotel dengan mematuhi kadar yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	
4.6	<p>BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENGACARA MAJLIS, PEMBACA DOA DAN PEMBACA IKRAR BAGI MAJLIS/ PROGRAM RASMI ANJURAN KEMENTERI</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Kementerian seringkali mengadakan majlis/ program rasmi dan telah melibatkan pegawai Kementerian yang dilantik sebagai Pengacara Majlis, Pembaca doa dan Pembaca Ikrar. Pegawai-pegawai berkenaan telah melaksanakan tugas yang diberikan dan tidak menerima bayaran saguhati.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) BKew memaklumkan tiada peraturan dan pekeliling mengenai bayaran saguhati kepada pegawai yang dilantik sebagai Pengacara Majlis, Pembaca doa dan Pembaca Ikrar dalam majlis/ program rasmi anjuran kementerian .</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI.</p>	


BIL	PERKARA	TINDAKAN
4.7	<p>PEMAKAIAN BATIK SERAGAM KEMENTERIAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mencadangkan pemakaian batik seragam KUSKOP yang sebelum ini hanya ditumpukan kepada Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) diperluaskan kepada warga Kementerian. <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ii) BKP sedia membantu menguruskan pembelian batik berkenaan. <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> iii) BKP mengadakan perbincangan bersama koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad berhubung cadangan promosi harga Istimewa kepada warga Kementerian. <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iii terus DISUSULI.</p>	
5.0	HAL-HAL LAIN	
5.1	<p>TALIAN UTAMA (GENERAL LINE) KEMENTERIAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Terdapat Kekurangan pegawai Kementerian menerima panggilan masuk daripada orang awam yang ingin menghubungi pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia. <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
	ii) BKP memaklumkan bahawa talian utama kementerian pada masa kini telah dilencongkan ke talian Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MyGCC) yang merupakan <i>one-stop call centre</i> . Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini SELESAI .	
6.0	PENUTUP	
6.1	YBhg. Datuk Pengerusi menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.	


Disediakan oleh:


 (SAIFUL AZMI BIN AB HALIM)
 Setiausaha Bersama (Majikan)
 Majlis Bersama Jabatan
 Tarikh: 23/7/2024


Disediakan oleh:


 (NADHRAH ATHILAH BINTI RAZALI)
 Setiausaha Bersama (Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan
 Tarikh: 24/7/2024

Disemak oleh:


 (DR. FAIZAL BIN ABDUL GHANI)
 Pengerusi (Pihak Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan
 Tarikh: 24/7/2024

Disahkan oleh:


 (DATUK HAJI ZAMRI BIN SALLEH)
 Pengerusi
 Majlis Bersama Jabatan
 Tarikh: 25/7/2024

SENARAI KEHADIRAN

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

PIHAK PENGURUSAN

1. YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh - Pengerusi
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan)
2. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
3. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
Setiasuaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4. Encik Amaruddin bin Isa
Setiasuaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
5. Encik Sharhan bin Shokery
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Encik Noorazman Ariff bin Azizul Rahman
Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor
7. Puan Nor Fadila binti M Sapuan
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
8. Encik Saiful Azmi bin Ab Halim - Setiausaha Pihak Majikan
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PIHAK PEKERJA

9. YBrs. Dr. Faizal bin Abdul Ghani - Pengerusi Pihak Pekerja
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
10. Puan Rohaizan binti Ismail
Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Integriti
11. Puan Nadhrah Athilah binti Razali - Setiausaha Pekerja
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Puan Zulaaikha binti Mohd Apandi
Peguan Persekutuan
Pejabat Penasihat Undang-undang
13. Encik Abdul Azeef bin Abdul Ariff
Penolong Setiausaha
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
14. Encik Mohd Najmi bin Ismail
Penolong Setiausaha
Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
15. Encik Sofiyuddin bin Mat Salleh
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
16. Ir. Puan Siti Fatimah binti Mohd Zuki
Penolong Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)

17. Encik Munasir bin Ab Rahim
Penolong Akauntan
Bahagian Akaun
18. Puan Noorain binti Baharin
Penolong Juruukur Bahan
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
19. Puan Nurhanisah binti Razali
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
20. Encik Mohd Zain bin Md Ludin
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
21. Puan Noor Hasmiza binti Bismi
Penolong Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat
22. Encik Hafid bin Madderi
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
23. Encik Muhammad Baihaqi bin Sulaman
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
24. Puan Ilyyana binti Abd Rahim
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
25. Encik Mohd Fuad bin Asrumni
Pengawal Keselamatan
Bahagian Khidmat Pengurusan

26. Encik Mohd Farid bin Alias
Pembantu Operasi
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)

27. Encik Mohd Rizal bin Mahmood
Pemandu Kenderaan
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PENGURUSAN

1. YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad
Ketua Setiausaha
2. YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan)
3. Encik Syahrul Idzuan bin Mohamad
Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan

PIHAK PEKERJA

4. Ts. Puan Azian Fatilah binti Mia
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian *Business Licensing Electronic Support System*
5. Puan Arnydah binti Abdul Aziz
Akauntan
Bahagian Akaun

TURUT HADIR BERSAMA

1. Encik Mohd Iskandar bin Amran
Ketua Unit Audit Dalam

2. Puan Nik Atiqah binti Mohd Ariffin
Penolong Setiausaha
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali
Akauntan
Bahagian Kewangan dan Pembangunan

URUS SETIA

1. Puan Nur Syafiqah Faziana binti Ismail
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Encik Amir Izham bin Alias
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3. Puan Afiqah binti Mohamad Hashim
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia